

28 MAR 2000

Mahathir-Musharraf/I

MALAYSIA GESA PAKISTAN KEMBALIKAN SEMULA DEMOKRASI

PUTRAJAYA, 28 Mac (bernama) -- Malaysia hari ini menggesa Pakistan untuk kembali kepada pemerintahan awam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan mesej itu kepada Ketua Eksekutif Pakistan General Pervez Musharraf yang sedang melawat Malaysia pada satu majlis perjumpaan antara kedua-dua pemimpin itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semasa memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan itu berkata Musharraf memaklumkan kepada Dr Mahathir bahawa adalah menjadi hasratnya untuk mengembalikan semula sistem demokrasi di Pakistan.

Musharraf berkata beliau tidak berhasrat untuk kekal berkuasa selama-lamanya.

Musharraf menggulingkan perdana menteri Nawaz Sharif pada 12 Okt tahun lepas dalam satu rampasan kuasa.

Musharraf tiba di sini semalam untuk lawatan kerja tiga hari.

Syed Hamid berkata semasa perjumpaan kira-kira dua jam itu, Dr Mahathir memberitahu Musharraf bahawa walaupun beliau faham dengan situasi di Pakistan pada masa ini, akhirnya negara itu perlu kembali kepada sistem demokrasi menerusi pemerintahan awam.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata pemimpin Pakistan itu tidak menyatakan bila beliau akan menyerahkan kuasa pemerintahan kepada pihak awam.

Syed Hamid berkata Musharraf menjelaskan kepada Perdana Menteri mengenai mengapa rampasan kuasa itu berlaku dan apakah matlamatnya.

"Beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa ia (rampasan kuasa) terjadi tanpa dirancang dan atas kehendak rakyat," katanya.

Syed Hamid berkata Musharraf memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau ingin mengembalikan kestabilan, mewujudkan pentadbiran baik dan memulihkan semula ekonomi di Pakistan dan selepas itu, akan menyerahkan semula kuasa pemerintahan kepada pihak awam.

"Apa yang telah dikatakan oleh Jeneral Pervez ialah bahawa beliau pastinya tidak mahu kekal berkuasa selama-lamanya. Beliau mahu melihat negara itu kembali kepada keadaan asal," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir memberitahu Musharraf bahawa walau apa pun kekurangan yang terdapat dalam demokrasi, "ia masih merupakan bentuk kerajaan yang terbaik."

Mengenai hubungan Malaysia-Pakistan, Syed Hamid berkata Kuala Lumpur terikat dengan keputusan Komanwel menggantung segala aktiviti Pakistan dalam Komanwel.

Bagaimanapun, semua negara-negara anggota Komanwel, termasuk Malaysia masih mempunyai hubungan diplomatik dengan Pakistan.

"Jadi, bila ada perhubungan diplomatik, kita mest memastikan hubungan diplomatik itu sentiasa terkawal dan terjamin," kata beliau.

Beliau berkata Musharraf memberitahu Dr Mahathir bahawa Pakistan melihat kepada Malaysia sebagai contoh.

Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalaman dan maklumatnya mengenai pembangunan ekonomi dengan Pakistan.

Menteri itu juga berkata Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Pakistan akan datang yang dijadualkan tahun lepas tetapi ditangguhkan berikutan rampasan kuasa tentera itu, akan diadakan di Pakistan tidak lama lagi.

Ditanya jika itu bermakna bahawa Malaysia mengiktiraf pemerintahan

Musharraf, Syed Hamid said: "Saya fikir tidak ada kerajaan di dalam Komanwel tidak mengikthiraf kerajaan Pakistan kerana tidak ada negara yang memutuskan perhubungan diplomatik dengan Pakistan."

"Namun, keputusan kita ialah Pakistan kembali kepada pemerintahan awam sementara kita meneruskan perhubungan dua-hala," kata beliau.

Beliau berkata Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel yang Malaysia menjadi anggotanya, akan mengawasi situasi di Pakistan dan mengemukakan satu laporan kepada Komanwel.

-- BERNAMA

ES RHM